

# PM tiba di Bangkok hadiri sidang kemuncak ASEAN

Pemimpin serantau bincang hala tuju kerjasama, isu antarabangsa

Bangkok

Abdul Razak Raaf

raaffar@mediaprima.com.my



**Tun** Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, petang semalam untuk menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-35.

Pesawat khas membawa Perdana Menteri mendarat di Terminal Udara Tentera, dekat sini, pada jam 4 petang waktu tempatan.

Ketibaan Dr Mahathir bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut Menteri Pendidikan Thailand, Nataphol Teepsuwan; Duta Besar Malaysia ke Thailand, Datuk Jojie Samuel dan pegawai kanan kedutaan.

Perdana Menteri dijadual ditemu bual oleh *Financial Times* yang berpangkalan di United Kingdom sebelum bersama-sama pemimpin 10 negara menyertai Sidang Kemuncak ASEAN Ke-35 di Pusat Konvensyen dan Pameran Impact, kira-kira 30 kilometer dari sini, bermula hari ini.

Dr Mahathir juga dijadual ditemu bual *Sydney Herald Mor-*

*ning* pagi ini, disusuli lawatan ke tapak pameran dibuka Malaysia, seterusnya memberi sokongan kepada Promosi Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 di Thailand bertempat di Pusat Pameran Komuniti ASEAN, kira-kira jam 10.15 pagi.

Pameran Komuniti ASEAN yang bertemakan 'ASEAN STYLES: Sharing the Future' itu adalah anjuran Jabatan Promosi Perdagangan Antarabangsa (DITP) Kementerian Perdagangan Thailand.

Perdana Menteri kemudian dijadual hadir sesi dialog Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2019 (ABIS 2019) di Pusat Pameran Impact, anjuran Majlis Penasihat Perniagaan bertemakan 'Empowering ASEAN 4.0'.

Selepas itu, beliau akan menghadiri sesi pleno yang akan membincangkan agenda *Advancing Partnership for Sustainability* serta hubungan luar dan hala tuju ASEAN, selain isu serantau dan antarabangsa.

Pada jam 4.20 petang, Dr Mahathir dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Thailand, Prayuth Chan-ocha sebelum menyaksikan majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) di antara ASEAN dengan Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA).

Pada hari ketiga, Perdana Menteri dijadual hadir majlis pembukaan Sidang Kemuncak ASEAN ke-35, diikuti Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-22.

Difahamkan, pemimpin ASE-

AN dan China, antara lain akan membincangkan hala tuju masa depan negara itu dan rantau ini serta memperakukan tiga dokumen hasil kenyataan bersama mengenai kerjasama media, inisiatif bandar pintar, kesalinghubungan ASEAN serta Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI).

Dr Mahathir seterusnya dijadual hadir Sidang Kemuncak ASEAN-India Ke-16 bagi membincangkan hala tuju masa hadapan ASEAN-India, disusuli mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke-10 selepas jamuan tengah hari.

Pemimpin ASEAN dan Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres akan membincangkan hala tuju masa hadapan ASEAN-PBB dan bertukar pandangan mengenai isu serantau serta antarabangsa.

Pada sebelah petang pula, Dr Mahathir dijadual mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri New Zealand, Jacinda Arden, juga di Pusat Pameran dan Konvensyen Impact.

Pada hari terakhir, Perdana Menteri akan menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Campur Tiga Ke-22, yang akan membincangkan hala tuju kerjasama berkeajaan dan bertukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa.

Dr Mahathir kemudian dijadual hadir Sidang Kemuncak ASEAN-Amerika Syarikat Ke-7, antara lain bagi membincangkan hala tuju, isu-isu serantau dan antarabangsa berkepentingan bersama.

BH - 2/11/2019 ml/s: 2